

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 29 Jamadilawal 1437 / 9 Mac 2016****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
pada pukul 9.00 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, bagi hari yang keempat, hari Rabu, 29 Jamadilawal 1437 bersamaan 9 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarkatuh. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini untuk bersidang semula bagi hari yang ke 4 Majlis Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Syaidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah di fahamkan bahawa ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet tidak akan hadir atas urusan-urusan rasmi di luar negeri, iaitu pada hari Sabtu, 12 Mac 2016 ini. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah memohon supaya perkara yang membabitkan kementerian-kementerian yang berkenaan dengannya sama ada bagi Tajuk-Tajuk Anggaran Perbelanjaan atau Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis akan dapat terlebih dahulu dibincangkan. Sungguhpun semasa membincangkan usul yang tidak diberi notis yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kita telah mempersetujui untuk mendahulukan Perkara V dan Perkara VII. Tetapi saya berpendapat untuk melicinkan dan memastikan kelancaran perjalanan persidangan ini, maka saya memberi izin supaya permohonan ini diluluskan.

Maka pada pagi ini, persidangan akan memulakan untuk membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang telah Diberi Notis dan kita akan terus sahaja ke soalan-soalan yang berkait dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Yang Berhormat

Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa perbincangan ini hanya akan dihadkan selama 30 minit sahaja memandangkan di hadapan kita masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita selesaikan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan-Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.1 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Jabatan Perdana Menteri khusus Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada inti pati soalan ini telah pun di *highlight* oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dan alhamdulillah perkara ini didahului dan diucapkan terima kasih.

Walaupun bagaimanapun, kaola ingin jua *highlight* balik soalan tersebut. Akhbar Pelita Brunei bertarikh 5 November 2015, menyiarkan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu negara yang mencapai peningkatan ekonomi yang terbaik bersama dengan Negara Costa Rica dan Kenya. Mengikut laporan, Ekonomi Tahunan Ke 13, *Doing Business 2016* yang diterbitkan oleh Bank Dunia dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa. Negara Brunei Darussalam juga menduduki tangga ke-84, kenaikan sebanyak 21 anak tangga dari tahun lepas dengan markah 62.93 pada tahun ini berbanding 58.2 pada tahun lepas. Kerajaan juga bermatlamat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang mudah dan murah bagi perniagaan agar dapat bersaing di rantau ini dan seterusnya memperbaiki kedudukan negara dalam Laporan *Doing Business*. Saya ingin bertanya:-

1. Apakah strategi kementerian ini bagi menjadikan perkara di atas menjadi realiti?;
2. Adakah sudah kajian dilakukan untuk memudahkan bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga bumiputera dalam mengembangkan bisnes dengan usaha sendiri untuk mengelakkan ber 'Ali Baba' yang cuma mengaut keuntungan sedikit; dan
3. Dengan jatuhnya harga minyak dunia, adalah diakui mendatangkan kesan dan impak

kepada negara. Apakah langkah dan usaha kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini agar semua projek pembangunan akan terus berjalan?.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu diucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kerana telah membangkitkan perkara ini. Seperti mana jua, yang tadi diterangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim banyak jua yang soalan ini telah pun dijawab oleh rakan sejawat saya iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Walau bagaimanapun, kaola akan sekali lagi cuba menjawab Soalan Yang Diberi Notis ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Strategi utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memudahkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam adalah untuk menyediakan prasarana dan alam sekitar yang mudah dan kondusif yang akan dapat menggalakkan banyak lagi usahawan-usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan sekali gus memperkasa pihak swasta.

Pihak kerajaan, melalui Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi-agensi kerajaan dalam *one government approach* untuk melaksanakan perubahan-perubahan, proses kerajaan yang akan memudahkan peniaga-peniaga dalam memulakan dan menjalankan bisnes.

Peniaga-peniaga juga akan dipantau dan dibantu dalam perkembangannya oleh Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana yang baru sahaja ditubuhkan iaitu Darussalam Enterprise. Adapun usaha bagi meningkatkan ke arah menjadikan Negara Brunei mudah dan murah bagi perniagaan dan sekali gus meningkatkan kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business*, ini sememangnya diberi keutamaan oleh pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menubuhkan komersial kod, mengubah perundangan yang lebih probisnes serta memperbaiki proses-proses yang berhubung kait dengan perniagaan seperti pendaftaran syarikat dalam tempoh sehari dan peniadaan lesen perniagaan bagi sebahagian jenis perniagaan. Kesemua aktiviti penambahbaikan tersebut adalah usaha yang diselaraskan di bawah sebuah jawatankuasa mengenai *Stocktake of Ease of Doing Business* yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan ia malahan dipengerusikan sendiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat ini bertujuan membentuk arah dan hala tuju perbaikan persekitaran perniagaan dan pada masa yang sama bagi memastikan dan memantau usaha-usaha reformasi dilaksanakan dan diselaraskan dengan baik.

Alhamdulillah, peningkatan dan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan Ekonomi Tahunan Ke 13 *Ease of Doing Business 2016* seperti Yang Berhormat nyatakan tadi telah dicapai atas berkat kepimpinan dan dorongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta sokongan kumpulan *Champion of Ease of Doing Business*.

Menyentuh mengenai keupayaan syarikat tempatan untuk berdaya saing di rantau ini, kerajaan sedang menyediakan program-program tertentu yang akan disampaikan oleh *Darussalam Enterprise (DARE)*. Penyediaan program-program tersebut akan diterajui oleh pihak swasta yang juga ahli lembaga urus tadbir *DARE* supaya ia dapat diberi keutamaan kepada keperluan khusus peniaga-peniaga tempatan.

Adalah diharapkan dengan adanya program-program ini perusahaan-perusahaan tempatan akan dapat

berkembang maju sehingga dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Mengenai adakah sudah kajian dilakukan untuk memudahkan bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga bumiputera dalam mengembangkan bisnes dengan usaha sendiri untuk menggalakkan berali baba yang mengaut sedikit keuntungan, dalam menjawab soalan ini, kajian telah dibuat mengenai persekitaran perniagaan keseluruhan termasuk mendapatkan lesen perniagaan yang telah dilaksanakan sejak 2014 melalui Mesyuarat *Stocktake* mengenai *Ease of Doing Business*.

Beberapa reformasi telah dikenal pasti bagi meningkatkan persekitaran perniagaan hasil daripada kajian tersebut khusus bagi lesen perniagaan. Langkah yang telah diambil ialah meniadakan lesen-lesen perniagaan bagi 33 aktiviti perniagaan yang berisiko rendah. Dengan memudahkan tatacara-tatacara perniagaan diharapkan akan dapat mengurangkan aktiviti berali baba. Dalam pada ini, makluman balas daripada orang ramai sangat dialu-alukan memperbaiki cara-cara untuk memudahkan *bisnes*.

Walau bagaimanapun, jika perlu perusahaan-perusahaan yang dikehendaki memperolehi permit-permit tertentu seperti permit pembinaan daripada *Authority of Building Construction Industry (ABCI)*, import permit daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dan sebagainya.

Kesemua permit tersebut bolehlah dipohonkan di *Business Support Centre* yang dikendalikan oleh *DARe*. Pada masa ini 2 minggu sekali dan insya-Allah pada bulan April 2016 akan dikendalikan sepenuh masa.

Agensi-agensi berkepentingan seperti *ABCi*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Buruh dan lain-lain akan ditempatkan secara tetap di *Business Support Centre* ini. Ini akan memudahkan urusan-urusan para peniaga dengan menempatkan kesemua agensi yang memberi kebenaran dalam satu pusat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Business Support Centre* berkenaan bolehlah dikunjungi 5 hari dalam seminggu manakala lagi khidmat *online* pula ia bolehlah dilayari 24 jam sehari.

Dengan jatuhnya harga minyak adalah diakui mendatangkan kesan dan impak kepada negara. Apakah langkah-langkah dan usaha kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah agar semua projek pembangunan akan terus berjalan, rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah dengan berpanjang lebar kelmarin menerangkan tentang usaha kerajaan. Kaola akan menambah dalam sedikit sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan pergantungan hampir 90 peratus pendapatan kerajaan dari sektor minyak dan gas, kemerosotan

harga pasaran global minyak dan gas ini telah mengakibatkan pendapatan kerajaan menurun 70 peratus dari hasil yang diterima pada Tahun Kewangan 2012/2013. Walaupun pengurangan pendapatan kerajaan, projek-projek pembangunan yang mempunyai *country value* akan terus berjalan sehingga selesai dan diharapkan dapat pulangan balik kepada kerajaan. Kerajaan akan sentiasa memantau projek-projek tersebut bagi memastikan peruntukan yang disediakan itu akan digunakan dengan sebaik-baiknya bagi menjamin kejayaan projek-projek berkenaan. Apa yang diharapkan bagi projek-projek ini akan dapat menyumbang kepada KDNK negara.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan seterusnya ialah soalan No.5 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Jabatan Perdana Menteri khusus Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola hanya akan mengajukan satu pertanyaan atau



soalan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Alhamduillah, segala gejala rasuah di negara ini masih boleh ditangani dengan baik dan belum menjadi satu masalah yang serius. Sungguhpun demikian, perkara ini tidak harus dianggap ringan atau bersikap sambil lewa dalam usaha secara berterusan bagi mencegah dan menghindari rasuah. Dengan perkembangan teknologi masa kini, pastinya perkembangan pesat dunia ke arah "globalisasi perkhidmatan-perkhidmatan dan perdagangan" turut memberikan cabaran yang baharu kepada Biro Mencegah Rasuah (BMR) kerana terdapat pelbagai kaedah rasuah terutama rasuah jarak jauh.

Soalan kaola, dengan memastikan agar ketenteraman dan kemajuan negara tidak akan terancam dan dipengaruhi oleh sebarang pihak yang mengambil kesempatan melalui perbuatan rasuah, apakah Biro Mencegah Rasuah (BMR) sudah mendekati diri dengan kaedah-kaedah terkini dalam mengatasi rasuah rentas sempadan dengan mudah? Itu sahaja yang kaola adukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang

Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita peramba/kaola/saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, berhubung dengan hal-ehwal berkaitan dengan Biro Mencegah Rasuah (BMR). Adalah merupakan peranan Biro Mencegah Rasuah (BMR) untuk menyiasat pelaku rasuah dan pada masa yang sama proaktif dalam mengikuti kaedah-kaedah terkini yang dapat membantu mengatasi ancaman rasuah terutamanya bagi kegiatan rasuah yang melibatkan rentas sempadan (*cross border or transnational*) yang bukanlah satu cabaran baharu.

Dalam menghadapi cabaran ini, Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah menjadi ahli kepada kesatuan agensi antirasuah di rantau Asia Tenggara seawal tahun 2003. Biro Mencegah Rasuah (BMR) juga mengambil langkah berterusan dengan mengeratkan hubungan dua hala dengan agensi antirasuah di negara-negara jiran menerusi perkongsian maklumat dan bantuan siasatan yang berkaitan dengan pelakuan rasuah merentas sempadan. Dengan adanya peruntukan undang-undang seperti *Mutual Illegal Assistant and Criminal Matters Order 2005* dan *Criminal Asset Recovery Order 2013*, akan membolehkan kerjasama penyiasatan yang dilakukan dengan bantuan negara-negara asing untuk

menjejaki pesalah ataupun perolehan wang rasuah yang dibawa dan disembunyikan di luar negara.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah mengambil langkah untuk terus meningkatkan kemahiran dan kapasiti pegawai-pegawai Biro Mencegah Rasuah (BMR) dalam penyiasatan kes-kes rasuah rentas sempadan dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini seperti peralatan *digital forensic* untuk mendapatkan bukti dari alat-alat komunikasi, peralatan-peralatan canggih untuk kegunaan operasi, pendekatan siasatan kewangan seperti *money trail* dan *asset tracing*, untuk mengesan wang pelaburan rasuah rentas sempadan bagi tujuan pendakwaan dan pengambilan wang pelaku rasuah kepada kerajaan melalui *Criminal Assets Recovery Order 2012*. Antara kes rasuah yang telah berjaya dibuat penyiasatan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) yang menggunakan peruntukan yang disebutkan bagi mengatasi had kuasa rentas sempadan adalah seperti berikut:-

1. Kes penipuan dan rasuah sebuah syarikat pembekal dengan Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) pada tahun 2014. Ini melibatkan penyelewangan berjumlah lebih B\$8,000,000.00 dan telah memberi rasuah kepada 32 orang pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) melalui kerjasama rentas sempadan Biro Mencegah Rasuah (BMR) dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara dan Kerajaan Singapura telah berjaya

mendapatkan kembali wang jenayah tersebut berjumlah B\$1,409,000.00; dan

2. Kes penyeludupan batu kelikir oleh dua buah syarikat kapal asing. Dalam kes ini, dua buah kapal tersebut telah menyeludup masuk dari negara jiran beberapa kali tanpa membuat pengisytiharan kastam, telah berjaya didakwa di mahkamah. Ini melibatkan memasuki negara ini secara haram tanpa menggunakan pasport.

Ini adalah beberapa kes yang disebutkan sebagai manifestasi bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka dengan jenayah rasuah dan akan terus memainkan peranan bagi memastikan ancaman jenayah seumpama ini diberi tumpuan dan tindakan. Biro Mencegah Rasuah (BMR) juga akan terus menjalinkan rangkaian hubungan kerjasama serta memberi bantuan kepada agensi-agensi antirasuah serantau dan antarabangsa dalam kes-kes penyiasatan mereka yang melibatkan pelakunya atau aset-aset jenayah rasuah yang disalurkan melalui Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan jawab mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, yang akan ditujukan atau dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian

di Jabatan Perdana Menteri, iaitu soalan 7.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola akan menyuarakan isu pengangguran khusus ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Negara Brunei Darussalam sedang pesat mempergiatkan usaha ke arah membangun infrastrukturnya, dan ini mungkin memerlukan penambahan dan peningkatan pekerja-pekerja asing yang mahir atau separuh mahir bagi memenuhi kehendak pembangunan negara. Pertanyaan kaola ialah:-

1. Adakah inisiatif dan insentif melalui *APTK* bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri memenuhi permintaan tenaga buruh di negara ini telah mencapai kejayaan?;
2. Jika tidak, apakah lagi usaha-usaha pihak kerajaan, terutama sekali kepada penganggur-penganggur yang mempunyai pendidikan tinggi?;
3. Tidak adakah pengkajian khusus dibuat oleh JPKE bagi mengurangkan pengangguran, selain dari memaparkan statistik pengangguran di negara ini; dan

4. Apakah sebabnya pekerja-pekerja, sama ada di sektor awam atau swasta yang sudah bersara diambil semula dan disambung perkhidmatannya. Ini akan mengurangkan peluang penganggur untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, kepada isu-isu yang telah dibangkitkan berhubung kait dengan agenda pembangunan negara yang setentunya penting dan utama bagi negara kita untuk mengurangkan pengangguran di Negara Brunei Darussalam. Walaupun soalan ini juga boleh dijawab oleh rakan sejawatan saya iaitu ke arah Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga (*APTK*). Tafsiran saya ialah berfokuskan kepada inisiatif-inisiatif strategik yang dapat menangani isu pengangguran ini dan insya-Allah mungkin rakan saya juga boleh menambah apa-apa yang kurang di sini.

Oleh yang demikian, izinkan saya memberi sedikit penjelasan daripada aspek dan pengalaman sektor tenaga dan perindustrian. Pendekatan diambil

dalam menangani isu pengangguran ini hendaklah dilihat secara menyeluruh dan melibatkan semua sektor. Bagi sektor minyak dan gas adalah lebih jelas memandangkan seperti mana yang saya sudah tekankan kelmarin data-data yang sedia ada menjadi asas penting kepada usaha-usaha proaktif menubuhkan inisiatif-inisiatif strategik yang berkesan.

Di sektor tenaga, rangka kerja *competency industry framework* ialah hasil kerjasama yang rapat antara kerajaan dan pihak industry. Ia diterajui dan diperkasa *empower* sendiri oleh pihak industry. Program-program *EICF* ini disokong oleh Skim Latihan Pekerjaan kendalian Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Sejak bulan Julai 2013, *EICF* telah mencatatkan 2,229 pengambilan pelatih, termasuk pelatih-pelatih dari Akademi Maritim iaitu *BMA* dan daripada jumlah ini sebanyak 690 graduan daripadanya telah pun bekerja.

Di samping Skim Latihan Pekerjaan, kerajaan juga telah menyediakan *Scheme Tax Rebate* melalui sistem *STAR* yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sebagai insentif bagi syarikat-syarikat untuk memberikan latihan-latihan peningkatan keupayaan tenaga kerja tempatan mereka.

Arahan-arahan *Local Business Development (LBD)* dan *EICF* merupakan pemangkin utama dalam meningkatkan peratus anak tempatan di sektor tenaga ke tahap 63 peratus pada tahun 2015. Pada tahun 2010

hanyalah kurang daripada 50 peratus. Di samping itu, semenjak tahun 2012, dalam masa 4 tahun sahaja pengambilan pekerja tempatan secara *accumulative* sektor tenaga adalah sebanyak 9,563 orang.

Insya-Allah inisiatif ini akan dilaratkan kepada industri bukan minyak dan gas seperti industri pembinaan, pelancongan dan pengurusan *hospitality* melalui rangka kerja *Competency Industry* atau *Competency Industry Framework*.

Di sektor bukan minyak dan gas seramai 1,750 orang telah mengikuti Skim Latihan Pekerjaan anjuran *APTK* semenjak ia diperkenalkan. Terdapat banyak peluang bagi menyelaraskan dan mensejajarkan usaha-usaha antara sektor minyak dan gas dengan sektor bukan minyak dan gas. Sebagai contoh Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian telah bekerjasama dengan *APTK* dalam memaksimumkan penggunaan *Job Centre Brunei* iaitu sistem pencarian pekerjaan dan kekosongan secara *online* yang diperkenal pada tahun 2015. Sistem ini memudahkan pencari kerja berdaftar secara *online* mencari peluang pekerjaan dan membolehkan pencari pekerja untuk mengetahui status pencarian pekerjaan mereka.

Setakat ini, seramai 4,852 orang pencari pekerja dan 418 buah syarikat telah mendaftar melalui sistem ini. Langkah proaktif kerajaan ini, secara tidak langsung akan menyumbang kepada pengurangan pengangguran di negara ini insya-Allah.

Alhamdulillah saya sebelum ini telah berpeluang untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan dalam penubuhan dan meningkatkan (*EICF*) sebelum ini. Insya-Allah akan berpeluang sekali lagi untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk membantu (*EICF*) beliau selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Inisiatif yang penuh sinergi seperti ini akan dipertingkatkan lagi melalui satu badan khas iaitu Majlis Perancangan Tenaga Kerja Kebangsaan (*National Manpower Planning Council*) bagi membentuk dasar perancangan sumber tenaga manusia secara menyeluruh.

Inisiatif ini adalah hasil cadangan dari kajian yang dibuat oleh konsultan dari Australia yang telah dilantik oleh badan khas Perancangan Sumber Tenaga Manusia di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2015. Kajian ini telah menekankan keperluan satu rangka kerja urus tadbir yang sesuai untuk memastikan pendidikan, latihan, peraturan, pasaran buruh dan pembangunan dasar industri selaras dengan keperluan industri.

Walaupun nampaknya usaha-usaha mengurangkan pengangguran belum menggalakkan, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Majlis Perancangan Tenaga Kerja Kebangsaan akan menggunakan proses yang bersinergi dan pendekatan *one government approach* dalam perancangan tenaga

kerja. Ini insya-Allah akan dapat menambah keberkesanan usaha-usaha pihak kerajaan dalam mengurangkan pengangguran.

Soalan yang No.2, apakah lagi usaha-usaha pihak kerajaan terutama sekali kepada penganggur-penganggur yang mempunyai pendidikan tinggi? Perancangan keperluan tenaga pekerja tempatan termasuk bagi tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, setentunya adalah aspek yang penting dalam perancangan pihak kerajaan. Di sektor tenaga bagi pencari kerja berkelulusan peringkat *HND* ke atas, sebuah skim yang diperkenalkan sejak bulan Julai 2014 iaitu *National Energy Graduate Apprentice (NEGAS)*. Skim ini direka bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang benar bagi membolehkan peserta mempelajari dan meningkatkan kemahiran teknikal serta *swap skill* dalam masa 12 bulan di syarikat-syarikat minyak dan gas.

Setakat ini, seramai 20 orang telah pun berjaya mendapat pekerjaan tetap daripada 59 orang perintis. Skim Biasiswa Hengyi Industry yang diungkayahkan sejak tahun 2014 adalah salah satu usaha proaktif dalam memastikan syarikat tersebut mempunyai tenaga kerja tempatan tersedia apabila syarikat beroperasi pada tahun 2019.

Setakat ini, seramai 44 orang mahasiswa jurusan kejuruteraan telah mengikuti skim biasiswa ini yang juga melibatkan kolaborasi antara Universiti Brunei Darussalam dan University

Zhejiang, China. Untuk makluman Dewan, pengambilan pertama pada Universiti Brunei Darussalam seperti mana saya nyatakan kelmarin, sedang menjalani penempatan industri di kilang *Petrochemical Juan Xuan through chemical company* di Republik Rakyat China sebelum menamatkan pengajian mereka pada tahun 2016 ini. Setelah tamat pengajian mereka akan berkerja di Syarikat Hengyi di Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, antara sasaran tahunan yang dinyatakan dalam kontrak-kontrak syarikat koperasi utama minyak dan gas mengandungi syarat-syarat seperti pengambilan anak-anak tempatan yang berkelulusan *HND* ke atas dan juga pengambil penuntut-penuntut lulusan *Industry Competency Prime Work* dan Akademi Maritim Brunei.

Soalan 3. Tidakkah ada pengajian khusus dibuat oleh JPKE bagi mengurangkan pengangguran ini selain memaparkan statistik pengangguran di negara ini. Soalan, adakah atau tidak pengkajian khusus untuk mengurangkan pengangguran selain memaparkan statistik seperti yang dalam jawapan sebentar tadi?

Satu kajian telah dijalankan pada tahun 2015 bagi membentuk dasar perancangan sumber tenaga manusia di Negara Brunei Darussalam. Perancangan ini akan diterajui oleh *Main Power Planning Counselling* yang akan memantau cadangan-cadangan kajian tersebut, yang antara lainnya adalah

mendapatkan *real feedback* akan keberkesanan dasar-dasar dan program yang akan diungkayahkan, memperbaiki pengumpulan penyusunan data, melarutkan penyesuaian dan mengembangkan *ICF*, mengimbangi persilangan tenaga kerja antara sektor awam dan swasta, membuat perubahan yang perlu dalam program-program sokongan pelajar dan melaksanakan hala tuju yang baharu dalam pendidikan dan latihan.

Dan seterusnya membentuk dasar pekerja asing di Negara Brunei Darussalam. Cadangan-cadangan ini akan dibincangkan dan diteliti pada masa yang terdekat bagi mengenal pasti tata cara pelaksanaan yang setentunya akan membolehkan kita merancang keperluan tenaga kerja negara dengan lebih teratur.

Walaupun nampaknya pihak kerajaan hanya memaparkan statistik-statistik pengangguran mestilah juga diingat statistik dan pengangguran adalah mustahak bagi membolehkan perancangan strategik dalam pembangunan sumber tenaga kerja manusia. Data-data ini seperti jumlah pekerja tempatan dan asing mencari pekerjaan serta jawatan-jawatan yang ada termasuklah kemahiran yang dikehendaki oleh industri.

Apakah sebabnya pekerja-pekerja sama ada di sektor swasta atau awam yang sudah bersara diambil semula disambung perkhidmatannya, dan ini akan mengurangkan peluang penganggur untuk memenuhi jawatan

tersebut. Kalau jawapan secara ringkas Ahli Yang Berhormat pun sudah *retired* dari Shell, jadi kepakaran Ahli Yang Berhormat itu diambil balik di Majlis Mesyuarat Negara sebagai Ahli. Bagi menjawabnya tertaklukkan kepada keperluan atau *succession planning*.

Kaola ingin menekankan di sini kebanyakannya ialah jawatan yang pekerja tempatan belum ada bersedia kerana belum cukup pengalaman atau kemahiran. Keseimbangan adalah penting dalam memastikan tidak ada gangguan terhadap perjalanan pekerjaan sementara menunggu pekerja yang sedia ada bagi mengisi jawatan yang diisikan oleh pesara yang diambil semula. Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri suka untuk menambah.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ada juga berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai inisiatif dan insentif melalui Agensi Pekerjaan Tempatan Kebangsaan (APTK) yang tadi telah pun dijawab oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Izinkan saya untuk memberikan tambahan kepada apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri tadi. Pada 20 Jun 2015, satu sistem yang dipanggil *Electronic Labour Exchange (ELEX)* melalui laman sesawang yang dinyatakan dan telah dilancarkan. Tujuan sistem (*ELEX*) ini ialah untuk memberi kemudahan kepada pencari kerja dan juga majikan iaitu sebagai satu jambatan antara majikan dengan pencari pekerjaan.

Sistem ini berfungsi sebagai *platform* untuk mengumpulkan maklumat seperti iklan-iklan jawatan kosong dan maklumat peribadi pemohon secara *online* bagi melaksanakan *job matching* antara pencari pekerja tempatan dan majikan yang mengiklankan kekosongan jawatan.

Ia dilaksanakan melalui 2 aspek iaitu *supply* dan juga *demand*, agar menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri memenuhi permintaan tenaga buruh. Sebagai langkah pertama, komitmen kerajaan khusus ia bukan saja dari pihak (APTK) malah semua agensi yang terlibat dalam menangani pengangguran seperti Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi telah berusaha bersama-sama bagi menggalakan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mendaftar ke dalam sistem ini. Untuk makluman, (APTK) telah mengadakan 11 jenis

latihan dan kursus sejak pelancaran Sistem (*ELEX*) dan kursus-kursus ini telah berjalan sebanyak 17 kali. Selain inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi APTK juga merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang mengendalikan Skim Latihan dan Pekerjaan atau SLP dengan sokongan JPKE. Skim ini sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan anak-anak tempatan berkerja di sektor swasta.

Dimaklumkan bahawa dari permulaan skim ini diperkenalkan dalam tahun 2011 sehingga Januari 2016. Seramai 1,769 peserta telah pun menyertai skim di bawah (APTK) ini dan Alhamdulillah daripada 1,769 peserta yang mengikuti skim yang dikendalikan ini seramai 889 sudah di peringkat pekerjaan tetap. Selain (APTK) sebagaimana yang telah diterangkan oleh rakan saya tadi, bahawa skim SLP ini juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga (*Energy*) di Jabatan Perdana Menteri.

Melihat pada tenaga tempatan yang berkerja di sektor swasta, *trend* menurut Banci Tahunan Majikan 2011 hingga 2014 dalam 5 kategori industri utama telah membuktikan bahawa jumlah pekerja anak tempatan dalam kategori pendidikan rendah dan pendidikan tinggi telah meningkat berbanding pengambilan pekerja asing dalam peringkat yang sama.

*Trend* ini menunjukkan bahawa anak tempatan mampu diserapkan ke dalam pasaran tenaga kerja:-

1. ***Industry Mining and Quarry.***  
Peningkatan sebanyak 16.6 peratus berbanding pekerja asing, iaitu 4,874 pekerja tempatan pada tahun 2011 telah meningkat 8,464 pekerja dalam tahun 2014;
2. ***Industry Wholesale and Retail Trade.***  
Ia mencatatkan kenaikan sebanyak 18.1 peratus dari 9,964 pekerja tempatan pada tahun 2011 kepada 12,226 pekerja tempatan pada 2014;
3. ***Industry Hospitality.***  
Mencatatkan kenaikan sebanyak 21.8 peratus iaitu dari 3,910 orang pekerja tempatan pada tahun 2011 menjadi 5,228 pekerja tempatan pada 2014;
4. ***Industry Transportation.***  
Mencatatkan kenaikan sebanyak 41.4 peratus iaitu dari 2,878 pekerja tempatan pada tahun 2011 menjadi 3,669 pada 2014; dan
5. ***Industry Services.***  
Mencatatkan kenaikan 18.2 peratus iaitu sebanyak 8,283 pekerja pada tahun 2014 berbanding dengan 7,207 pekerja tempatan pada 2011.

Insya Allah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui (APTK) akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam hasrat kita untuk mencapai tujuan bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja



tempatan dan mengurangkan pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor yang tertentu.

Sekian, terima kasih Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa ada baiknya kita berhenti dulu dalam membincangkan Perkara V iaitu Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, bahawa kita masih lagi ada banyak perkara-perkara yang perlu kita selesaikan.

Pada persidangan yang telah diadakan semalam, bagaimana kita sama-sama maklum, kita telah membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa saya sekarang mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa

sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah petang semalam, kita telah selesai membincangkan dan meluluskan sebahagian daripada Tajuk-Tajuk di bawah Jadual Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini beralih kepada Tajuk-Tajuk seterusnya, saya difahamkan bahawa ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet ingin memberikan respons terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan petang semalam.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua):** Terima kasih Pengerusi. Seperti mesyuarat kelmarin, kaola telah berjanji untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan dan cadangan-cadangan beberapa Ahli-Yang Berhormat. Kaola

mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyoal soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan mereka.

Jadi, kaola mengambil barangkali ada soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Oleh sebab soalan ini ada berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kaola akan menjawab satu jawapan sahaja.

Bahagian Media dan Kabinet, Jabatan Perdana Menteri memang berperanan untuk mempromosikan imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang baik, berkesan dan pemedulian. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memupuk persefahaman yang lebih baik antara kerajaan dan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk rakyat, masyarakat, agensi-agensi media serta agensi-agensi kerajaan melalui komunikasi yang berkesan. Ini termasuklah jua agensi-agensi media antarabangsa dan mana-mana jua pihak antarabangsa yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai pengeluaran akhbar "Pelita Brunei" 2 kali seminggu. Kaola ucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu. Pengeluaran 3 kali seminggu berdasarkan kepada permintaan

atau *demand* orang ramai. Walau bagaimanapun, ia akan diteliti kesesuaiannya dari semasa ke semasa. Di samping itu, jabatan sedang meningkatkan dan meluaskan pemberitaan dan penyebaran maklumat melalui *IT* dan media baharu iaitu sesuai dengan keperluan masa kini dan menggalakkan lagi orang ramai membaca akhbar "Pelita Brunei" melalui laman *Pelita Online*.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai pembayaran kakitangan melalui boucer sukacita dijelaskan bahawa atas kerjasama dan bantuan agensi-agensi berkenaan RTB telah menyerapkan sejumlah 119 orang pekerja sambilan atau *part time* ke jawatan tetap, *openvote* dan bergaji hari mulai 19 Januari 2010 yang diselaraskan berpandukan kepada syarat-syarat dan kelayakan yang digariskan menurut perkhidmatan yang sedia ada. Berhubung dengan kakitangan *part time* yang masih ada, RTB akan membuat penelitian mengeniannya dari semasa ke semasa.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, ini adalah cadangannya yang baik berkenaan dengan penerbitan program bersiri yang menggalakkan perusahaan industri keluarga. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan-ancangan demikian ada sudah diterbitkan dan disiarkan sama ada rancangan-ancangan yang berbentuk dokumentari, majalah TV, kapsul rancangan dalam segmen Rampai Pagi dan segmen

Berita. Berpandukan keperluan tersebut pihak RTB akan menyiarkan semula program berkenaan.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai iklan telefon bimbit semasa memandu. Penerbitan iklan-iklan atau promo-promo yang berbentuk nasihat dan kesedaran orang ramai adalah penting untuk sentiasa disiarkan dan diperingatkan sama ada melalui radio atau mahupun televisyen. Pembuatan promo atau iklan lazimnya atas kerjasama serta nasihat agensi-agensi yang tertentu. Jadi dalam hal ini RTB mengambil perhatian mengenai saranan Yang Berhormat dan akan sentiasa berkerjasama dengan agensi dan autoriti yang berkaitan dalam memastikan mesej tersebut dibuat agar dapat difahami dengan jelas oleh orang ramai.

Ada satu soalan lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai Bangunan RTB. Kaola masih lagi menyiasat perkara ini dan akan memberi makuman kepada Yang Berhormat selesai sahaja maklumat itu diterima. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan mana-mana soalan yang

belum lagi dijawab berkaitan dengan isu pengawasan kejiiran kampung seperti yang sudah saya terangkan Pasukan Polis Diraja Brunei amat menggalakkan pembabitan orang kampung untuk lebih proaktif dalam pengawasan kejiiran dan dalam pada itu inisiatif-inisiatif tertentu akan diadakan seperti yang saya nyatakan kelmarin.

Terima kasih juga atas cadangan Yang Berhormat supaya Sijil Penghargaan boleh diberikan kepada ahli-ahli pengawasan kejiiran kampung yang pada tahun 1998 di Kampung Madang yang telah menamatkan keahlian mereka bagi menghargai jasa bakti ahli-ahli berkenaan. Pasukan Polis Diraja Brunei amat mengalu-alukan cadangan baik Yang Berhormat ini dan insya-Allah ia akan dilaksanakan.

Mengenai saranan Yang Berhormat untuk meneruskan pelaksanaan sistem rondaan berkenderaan siang malam. Ini juga sememangnya dilaksanakan secara berterusan bukan secara berkala. Hanya rondaan yang melibatkan pengawasan kejiiran kampung yang dilakukan secara berkala. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi saya ingin hanya menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji

Sulaiman, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan juga Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mula-mula mengenai soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu berkaitan dengan perlindungan ke atas kanak-kanak. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas soalan dan seranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berkaitan perlindungan ke atas kanak-kanak ini.

Secara umumnya perlindungan ke atas kanak-kanak dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua orang tua atau penjaga yang merupakan penjaga dan pelindung pada anak-anak berkenaan.

Orang tua ataupun penjaga ini, dalam hubungan tersebut mempunyai *duty of care* terhadap anak-anak mereka. Mengenai agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan ke atas kejadian-kejadian seperti Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu kematian, kecederaan dan kecacatannya diakibatkan oleh kebakaran, kematian kanak-kanak yang diakibatkan oleh kemalangan jalan raya dan mati lemas bagi yang tinggal di Kampung Air.

Kes-kes seumpama ini dipertanggungjawabkan kepada pihak Polis Diraja Brunei untuk membuat siasatan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan. Bagi kes-kes penderaan pula Akta Kanak-Kanak

dan Orang Muda atau *Children And Young Person Act* telah pun diwujudkan sebagai peruntukan mengenai penjagaan dan perlindungan kanak-kanak. Antara kanak-kanak yang memerlukan perlindungan di bawah akta tersebut ialah kanak-kanak yang telah atau besar kemungkinan akan secara fizikal atau emosi dcederakan atau dianiaya dari segi seks oleh penjaganya.

Antara lain, akta ini mempunyai peruntukan mengenai kuasa-kuasa yang diberikan pada pelindung ataupun *protector* dan polis untuk melindungi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Kuasa-kuasa pihak mahkamah, tempat-tempat yang digunakan untuk menempatkan kanak-kanak yang dilindungi dan kuasa pelindung dan polis untuk mengeladah dan menyoal siasat berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Menteri dan Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab di bawah akta ini ialah Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sementara pelindung yang dirujuk di bawah akta tersebut pula ialah Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Dalam hubungan ini, saya ingin mengongsikan jumlah kes-kes yang dilaporkan disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Polis Diraja Brunei.

Pada tahun 2014 sebanyak 42 kes pukul kanak-kanak telah dilaporkan dan disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah

Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Brunei dan sebanyak 36 kes pukul kanak-kanak telah dilaporkan disiasat sehingga penghujung tahun 2015.

Dalam perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak yang telah mati secara *unnatural death*, pihak polis mempunyai kuasa yang sangat luas dalam membuat siasatan di bawah undang-undang tertentu *Criminal Procedure Code* dalam hal yang sedemikian kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak hospital juga akan diperolehi bagi membuat siasatan. Oleh yang demikian walaupun akta tersebut tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai kuasa untuk menyiasat kanak-kanak yang telah mati mungkin diakibatkan oleh penderaan namun kes sedemikian tidak akan dibiarkan dan akan disiasat oleh pihak polis dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang lain yakni *Criminal Procedure Court*.

Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bagi pihak kerajaan bertindak lebih proaktif dalam menjaga kepentingan dan memberi perlindungan ke atas kanak-kanak amat dihargai. Saranan tersebut insya-Allah akan diteliti dan saya juga tidak lupa merakamkan terima kasih mengenainya. Dalam hal ini, rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mungkin ingin menambah dan memberi ulasan mengenainya nanti.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai kes penyeludupan dan jua barang-barang yang bersubsidi dan entiti pemberian subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Mengenai usaha menangani aktiviti penyeludupan ini, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain dan orang ramai untuk meningkatkan pengawalan dan keberkesanan dalam pencegahan aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan kastam. Ke arah itu beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang telah pun diatur dan dalam pelaksanaan.

Mengenai saranan berkaitan pemberian subsidi, kaola amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat itu. Adalah menjadi matlamat utama kerajaan bahawa subsidi atau bantuan yang dihulurkan bertujuan meringankan beban saraan hidup harian golongan berpendapatan rendah dan yang memerlukan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan sememangnya secara berterusan meneliti segala bentuk bantuan, skim dan juga subsidi bagi memastikan ia mencapai matlamat pelaksanaannya secara berkesan. Penelitian ini juga perlu dilaksanakan bagi memastikan perbelanjaan bagi tujuan ini berdaya

tahan dan tidak membebankan kewangan kerajaan dalam jangka masa panjang.

Perkara ini selaras juga dengan dasar kerajaan bagi pembangunan yang inklusif iaitu kemajuan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh negara ini akan dapat dinikmati oleh semua golongan.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim ini memanglah satu cadangan yang sangat baik dan sangat bertepatan masanya dalam kita sama-sama mengharungi cabaran ekonomi pada ketika ini.

Oleh itu kerajaan menyambut baik dan mengambil maklum mengenai cadangan tersebut dan insya-Allah sebagaimana jua kelazimannya sebelum sebarang dasar dilaksanakan, pihak kerajaan sudah setentunya akan meneliti sedalam-dalamnya akan cadangan Yang Berhormat ajukan tersebut terutamanya mengenai kesesuaian dan implikasinya terhadap kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini khususnya bagi golongan sasaran yang berpendapatan rendah.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyeru orang ramai agar turut membantu usaha kerajaan dalam langkah berjimat cermat dengan mengurangkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan subsidi oleh kerajaan seperti minyak kenderaan, bekalan tenaga elektrik, bekalan air dan sebagainya. Mana-mana penjimatan yang diperolehi setentunya akan dapat membantu

bukan sahaja dalam meringankan beban kewangan kerajaan tetapi juga bagi penggunaan penjimatan-penjimatan tersebut ke arah perkara yang lebih produktif seperti aktiviti perekonomian dan sebagainya.

Kaola sekarang beralih menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang berkaitan dengan cadangan untuk satu Skim Perumahan bagi saudara-saudara baharu di Kampung Bebuluh untuk menjelamai kawasan-kawasan berkenaan. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim di atas saranan ini untuk jawapannya buat masa ini saya telah difahamkan bahawa pelaksanaan Rancangan Perumahan Negara belumlah sampai ke kawasan-kawasan pendalaman seperti Kampung Bebuluh.

Walau bagaimanapun, ini ia satu cadangan yang akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk meneliti *availability* skim sedemikian, insya-Allah.

Soalan yang terakhir yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai penyediaan tempat bilik khas untuk dijadikan tempat anak-anak damit bagi kemudahan pegawai-pegawai wanita. Lagi sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ini.

Pada menjawabnya, cadangan Yang Berhormat Datin tersebut adalah amat baik yang bukan sahaja memberikan kemudahan yang diperlukan tetapi diharap dapat meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin, setakat ini tidak ada sebarang dasar khusus bagi pihak kerajaan untuk menyediakan tempat penjagaan anak-anak damit di pejabat-pejabat kerajaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat penyediaan bilik khas bagi keperluan penyusuan bayi yang penyediaan ini atas inisiatif kementerian dan jabatan masing-masing mengikut keperluan.

Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan memang peka akan keperluan untuk menyediakan tempat bilik khas berkenaan dan dalam hubungan ini beberapa kementerian dan jabatan mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan bilik khas bagi kegunaan para ibu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan wanita untuk penyusuan bayi tetapi bukan sebagai tempat penjagaan anak-anak damit secara am.

Dalam pada itu, pihak kerajaan juga memberikan kebenaran dan kelonggaran atas budi bicara Ketua Jabatan kepada para ibu untuk menjalankan hal-ehwal penyusuan bayi. Cadangan ini insya-Allah akan diteliti dengan sehalus-halusnya dan terperinci kerana penyediaan bilik khas untuk penjagaan anak-anak damit ataupun *Day Care Centre* melibatkan berbagai-

bagai aspek seperti aspek prasarana, khidmat penjagaan, isu-isu keselamatan kepada anak-anak dan lain-lain lagi.

Walaupun bagaimanapun, melihat kepada perspektif lain, pihak kerajaan juga mengambil baik akan saranan Yang Berhormat itu iaitu dalam melihat kesesuaian pewujudan bilik khas ini dapat membuka peluang keusahawanan dan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan untuk membuka *Day Care Centre* di jabatan-jabatan kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sekianlah yang dapat diperjelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon kebenaran untuk menambah jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai dengan perlindungan kanak-kanak, saya juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas soalan tersebut dan ingin menambah iaitu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) pada bulan Disember 2015 yang kaola

pengerusikan, telah bersetuju bagi isu kanak-kanak untuk ditangani secara khusus oleh MKIS menjadikan semua isu sosial yang ditangani kepada 12 isu.

Sebelum ini isu kanak-kanak ditangani secara menyeluruh di bawah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita, memandangkan isu kanak-kanak berkait rapat dengan isu keluarga dan wanita. Isu kanak-kanak ini, termasuk perlindungan dan hak-hak mereka secara komprehensif akan ditangani melalui pelan tindakannya sendiri bagi memastikan perlindungan dan hak-hak kanak-kanak terjamin selaras dengan obligasi negara di bawah *Convention On The Rights Of The Child (OCRC)*.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, bagi kanak-kanak yang terlibat dalam kemalangan atau dari *accidental injuries* adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, khususnya rumah-rumah sakit atau hospital. Walau bagaimanapun, jika kanak-kanak berkenaan didapati mengalami penderaan atau pengabaian, Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), akan membuat penyiasatan terhadap keluarga atau penjaga kanak-kanak berkenaan untuk memastikan penjagaan yang terbaik baginya. Ini termasuklah mencari waris terdekat, (*the next of kin*) yang berkemampuan dan sesuai untuk menjaga kanak-kanak berkenaan.

Jika tiada penjaga atau tempat penjagaan yang selamat bagi kanak-kanak berkenaan, untuk kembali tinggal

di sana, setelah mendapat rawatan hospital, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan memohon perintah perlindungan di bawah *Children And Young Persons Act (Chapter 219)* agar kanak-kanak ini diberikan perlindungan di Kompleks Rumah Perlindungan. Kanak-kanak ini akan diberikan kaunseling dan akan mengikuti program-program bimbingan agama, persekolahan, akademik dan juga aktiviti-aktiviti dalaman yang lain.

Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), akan membuat seliaan terhadap kanak-kanak ini, untuk memastikan kesejahteraannya terjaga, di samping membuat *intervention* terhadap keluarganya dari semasa ke semasa untuk mempersiapkan penjagaan kanak-kanak ini apabila bebas dari Perintah Perlindungan nanti. Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cadangkan supaya kita tangguhkan dulu Mesyuarat dalam Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita balik ke Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya



cadangkan supaya kita berehat sementara selama 30 minit.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di peringkat Jawatankuasa. Bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017, satu persatu, yang mana telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Sebelum kita beralih kepada Tajuk-Tajuk Jadual di bawah jabatan-jabatan, Jabatan

Perdana Menteri seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan terhadap soalan yang telah ditimbulkan semalam. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai cadangan Jawatankuasa Basiswa, Kementerian Pendidikan, salah satu antara jawatankuasa yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, yang tidak mempunyai keahlian yang mewakili orang ramai yang mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang-bidang dan orang yang profesional menangani isu pengangguran.

Untuk makluman Yang Berhormat, keahlian yang ada pada masa ini, bukan saja daripada Kementerian Pendidikan, tetapi juga dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang lain. Sukacita kaola memaklumkan bahawa antara lain tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Basiswa adalah antara lainnya untuk meneliti dan menimbang dan menimbang pelajar-pelajar yang layak untuk mengikuti

kursus yang bersesuaian di luar negara melalui Skim Biasiswa Kerajaan. Walaupun proses pemilihan pelajar yang dihantar ke luar negara ini berkaitan dengan isu pengangguran disebabkan pelajar ini setentunya akan mencari pekerjaan setelah mereka menamatkan pengajian.

Perkara yang menyentuh isu pengangguran ini, setentunya memerlukan penelitian yang lebih meluas dan kaola kira terlalu berat bagi Jawatankuasa Biasiswa memikunya. Walau bagaimanapun, sebelum ini Kementerian Pendidikan, melalui Bahagian Biasiswa, telah pernah memohon pihak-pihak berkenaan untuk mendapatkan bidang-bidang yang diperlukan oleh kerajaan untuk dijadikan sukatan-sukat bagi Jawatankuasa Biasiswa menentukan bidang yang dikira akan dapat memenuhi keperluan negara.

Namun disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangkakan bidang-bidang yang telah dikenal pasti tidak dapat dipenuhi oleh pihak berkenaan setelah pelajar menamatkan pengajian. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan kajian dan seterusnya menyediakan Pelan Tenaga Kerja Kebangsaan untuk dijadikan sebagai panduan, demi mencapai Wawasan 2035.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa peka terhadap keperluan negara dalam isu pembangunan kapasiti insan dan untuk

itu akan meneliti dasar-dasar berkaitan penangguhan penganugerahan biasiswa kerajaan dari semasa ke semasa bersama agensi-agensi berkenaan. Perkara ini juga akan membabitkan pihak awam dalam sama-sama mengenal pasti keperluan negara agar bidang-bidang diperlukan dapat dipenuhi. Bidang tugas-tugas Jawatankuasa Biasiswa adalah:-

1. Memastikan adanya penyelarasan dan kesinambungan dasar biasiswa dalam keperluan dan keutamaan negara dari segi perkembangan tenaga manusia di sektor kerajaan, sektor swasta dan sektor separuh kerajaan jangka panjang dan jangka pendek;
2. Meneliti kesesuaian dan keberkesanan aturan-aturan dan peraturan-peraturan biasiswa dan keadaan semasa. Tempoh dan tempat pengajian, jika perlu menghadapkan sokongan bagi perubahan atau pindaan dari semasa ke semasa;
3. Meneliti sokongan daripada panel temu duga untuk penganugerahan biasiswa; dan
4. Memastikan kriteria-kriteria pertimbangan bagi biasiswa di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dalam dan luar negeri dapat mencapai tujuan dan matlamatnya. Bukan saja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti pemohon-pemohon dari semasa ke semasa. Seterusnya bertanggungjawab

dalam mempertimbangkan semua rayuan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan dan akhirnya meneliti kemudahan-kemudahan biasiswa yang diberikan elaun dan lain-lain dari semasa ke semasa.

Sekian penerangan daripada Kementerian Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih ke Tajuk Jadual seterusnya iaitu Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk SA14A hingga SA25A. Sebelum saya membukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tajuk-Tajuk tersebut untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri ingin membuat kenyataan dulu. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti lazimnya jua izinkan saya memberikan sedikit mukadimah mengenai Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Dengan sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana negara kita terus berada dalam keadaan aman makmur serta terus membangun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang raja yang sentiasa prihatin pada kesejahteraan rakyat dan penduduk negeri ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi sektor tenaga, peranan utamanya ialah memastikan khazanah *hydrocarbon* negara dimajukan secara berdaya tahan di samping program-program lain. Seperti yang kita sudah sedia maklum, harga pasaran minyak global yang telah jatuh sebanyak 75 peratus sejak Jun 2014 iaitu dari paras US\$122 ke paras US\$30 ini setentunya telah menjejaskan lagi pendapatan negara.

Alhamdulillah, pada tahun 2015, pengeluaran minyak dan gas telah pun melimpasi 3 peratus dari sasaran awal iaitu 370 ribu *barrel of oil equivalent* sehari dan 5 peratus lebih tinggi dari pengeluaran keseluruhan pada tahun 2014. Pada masa yang sama, sebanyak 55.42 juta *BOE (barrel of oil equivalent)*

sumber minyak dan gas yang baharu telah berjaya diperolehi.

Bagi industri hiliran pula, dua industri hiliran *FDI (final decision investment)* dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2019 iaitu sebuah loji penapis minyak petrol *chemical* di Pulau Muara Besar dan loji *ammonia urea* di Sungai Liang. Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,000 peluang pekerjaan langsung bagi anak-anak tempatan dan lebih kurang 2,000 secara tidak langsung bagi anak-anak tempatan.

Pada masa yang sama, Jabatan Tenaga dan Perindustrian telah berganding bahu dengan kementerian dan agensi lain untuk merangka undang-undang mengenai kesihatan dan keselamatan (*Health and Safety*) iaitu *Control of Major Accident Hazards Regulations (COMAH)* di mana, di bawah *COMAH, Document Safety Case* perlu dihadapkan kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian bagi penilaian keselamatan operasi tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan bahawa pihak kerajaan sedang dalam proses untuk menubuhkan satu Badan Autoriti Kebangsaan *Health, Safety and Environment* yang akan menangani isu-isu kesihatan, keselamatan dan alam sekitar negara secara menyeluruh.

Saya juga ingin menyentuh mengenai penjimatan tenaga. Sejak pelaksanaan tarif elektrik baharu pada tahun 2012, penggunaan tenaga elektrik telah berhijrah pada kumpulan pertengahan dan terendah. Ini menghasilkan penjimatan tenaga elektrik lebih kurang

\$8 juta pada tahun 2015. Ini termasuk sebanyak 21,051 pengguna daripada 86,880 pengguna menggunakan tenaga elektrik 600 *kwh* ke bawah sebulan. Usaha penjimatan telah dilaratkan ke bangunan-bangunan kerajaan dengan sasaran pengurangan sebanyak 30 peratus dan insya-Allah akan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$26 juta. Penjimatan yang dikira diperolehi dari pengurangan penggunaan lampu-lampu jalan raya di seluruh negara ialah sebanyak \$1.6 juta setahun. Usaha-usaha penjimatan tenaga akan dipertingkatkan dengan undang-undang piawaian dan perlabelan iaitu *Standard and Labelling Order* yang insya-Allah akan diperkenalkan pada tahun ini.

Dari segi pembangunan perniagaan tempatan (*Local Business Development*) di sektor minyak dan gas, usaha-usaha jabatan telah meningkatkan *local content* dari kurang 15 peratus, \$400 juta pada tahun 2010 ke tahap 54 peratus iaitu \$2.2 bilion pada tahun 2015. Peningkatan jumlah pekerja tempatan seramai 16,495 orang pengambilan anak-anak tempatan adalah konsisten iaitu seramai 2,569 pengambilan anak-anak tempatan telah dicatatkan pada tahun 2015. Sasaran pada tahun 2016 adalah seramai 2,600 pengambilan anak-anak tempatan. Sebanyak 43 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (*SME*) tempatan telah mendapat kontrak *BSJV* buat pertama kali dengan nilai keseluruhannya kira-kira \$921 juta Brunei sejak tahun 2011. Sebanyak 11 buah syarikat tempatan telah

mencatatkan hasil dari operasi dan perniagaan mereka di luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 untuk menjana pendapatan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, fokus pihak kerajaan tertumpu pada inisiatif penarikan pelaburan asing (*FDI*) yang memberi kemanfaatan pada pihak kerajaan dan mengukuhkan dan mengembangkan perusahaan tempatan.

Walaupun projek-projek *FDI* dalam 5 tahun kebelakangan ini belum mendatangkan hasil yang memuaskan dari segi penjana pendapatan dan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, pihak kerajaan mengambil iktibar dari projek-projek *FDI* yang terdahulu dan seterusnya akan membuat kajian dan strategi-strategi *FDI* yang baharu melalui agensi *FDI Action Support Team (FAST)* dan Jawatankuasa Kuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran.

Dengan ini juga, sebuah ekosistem yang mantap untuk menampung dan memperkasa usahawan-usahawan tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (*SME*) sedang diutamakan. Ini adalah peranan badan *statutory* yang baharu iaitu *Darussalam*

*Enterprise (DARe)* untuk menggalakkan dan memantau perkembangan perusahaan tempatan bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga untuk menjadi kompetitif di rantau antarabangsa melalui rangkaian-rangkaian antarabangsa yang telah disediakan.

*DARe* dihasratkan menjadi badan yang *industry driven* dan seperti mana yang sudah menunjukkan dalam Dewan ini, 82 peratus daripada Ahli Lembaga Urus Tadbir ini adalah sektor swasta. Antara perkembangan perindustrian yang lain adalah mengembangkan hala sektor teknologi inovatif dan kreatif, sektor kotej dan sektor koperasi.

Di samping itu, Bahagian Perindustrian juga akan memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Makmal Halal dan Metrologi yang ada pada masa ini beroperasi di Bangunan Anggerek Desa, Berakas sejak bulan Januari yang lalu.

Pusat Standard Kebangsaan pula akan semakin giat memberi khidmat nasihat panduan kepada pengusah-pengusaha kecil dan sederhana untuk mendapatkan persijilan-persijilan yang diperlukan seperti *Persijilan ISO Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Beralih kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik atas usaha-usaha yang berterusan melalui kerja-kerja membaik pulih dan pemeliharaan sistem janakuasa, penghantaran dan pembahagian di seluruh negara telah

berhasil mengurangkan gangguan elektrik daripada 300 gangguan pada 2010 kepada 126 gangguan pada tahun 2015 penurunan sebanyak 58 peratus.

Manakala itu sejumlah \$9.506 juta peruntukan bagi perbelanjaan setelah dipohonkan untuk melaksanakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang akan memberi impak yang besar dalam memastikan bekalan elektrik yang berterusan. Ini termasuklah kerja-kerja pemeliharaan ke atas 8 buah *gas turbine*, pengambilan pakar teknikal dan penasihat serta menaik taraf pembahagian *voltone* rendah di seluruh negara.

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, fokusnya tertumpu kepada projek-projek peningkatan infrastruktur dan pembangunan perkhidmatan guna sama yang merangkumi keseluruhan kerajaan (*whole of government*). Misalannya rangkaian infrastruktur kerajaan menghubungkan sebanyak 857 tapak kerajaan ke semua daerah.

Seterusnya, Perkhidmatan *Government Private Cloud* telah menyediakan sebanyak 335 *server virtual* dan perkhidmatan *e-mail* kerajaan pula menampung hampir 40 ribu akaun. Manakala itu, laman web secara pusat menampung sebanyak 54 laman web kerajaan.

Kesemua inisiatif tersebut memastikan *standardization* dan *consolidation* lalu memberi penjimatan kos dan memudahkan pemantauan. Penguksuhan

tenaga kerja yang dilaksanakan dalam bidang-bidang yang diperlukan seperti pengurusan projek kemahiran, *business analysis* dan lain-lain mengikut trend industri. Penguksuhan tenaga kerja telah dilaksanakan dalam bidang-bidang yang diperlukan seperti pengurusan projek kemahiran teknikal, *business analysis* dan lain-lain mengikut trend industri.

Kemahiran tenaga *ICT* telah menunjukkan peningkatan melalui *Competency Development Prime World* iaitu seramai 182 orang pegawai *IT* kerajaan telah memperolehi persijilan profesional industri. Ini membolehkan pihak kerajaan menjimatkan kos pelaksanaan projek yang dapat dilaksanakan secara *in-house*.

Dengan adanya penguksuhan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan guna sama, program dan inisiatif seterusnya lebih tertumpu kepada pemberian perkhidmatan untuk orang ramai dari pihak kerajaan. Ini jelas terbukti melalui peningkatan jumlah e-perkhidmatan yang telah diperkenalkan secara *online* pada tahun sebelum ini.

Dalam usaha meningkatkan urus tadbir kerajaan, beberapa sistem sudah pun dilaksanakan seperti *BruHims*, *Land Management System*, *Judiciary Case Management System (JCMS)* bagi melicinkan proses aliran kerja untuk meningkatkan produktiviti.

Manakala bagi memudahkan seorang awam mencari pekerjaan, *Public Service Commission Recruitment System*

*(PSC Recruitment) and Job Center Brunei* telah pun dilancarkan. Untuk menghubungkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan, *Portal E-Darussalam* merupakan *consolidated portal* yang telah dilaksanakan bagi memudahkan *access*.

Setakat ini, pendaftaran akaun *e-darussalam* berjumlah seramai 62,049 pengguna. Manakala talian Darussalam 123 adalah pusat panggilan untuk membantu atau menerima aduan dari orang ramai bagi perkhidmatan kerajaan telah menerima sebanyak 479,915 panggilan sejak penubuhannya pada bulan Mac 2014.

Dalam menyokong komuniti peniaga *portal business bn* telah diperkenalkan pada bulan Januari 2016 sebagai *consolidated single portal*. Sementara itu, sistem-sistem *ROCBN, OneBiz, Brunei Darussalam National Single Window* dan *Labour Control System* juga menyokong komuniti perniagaan tersebut.

Dalam meningkatkan pembangunan aplikasi tempatan *Brunei Solution Development Center* telah pun ditubuhkan untuk membantu pembangunan industri *ICT* dan membina kepakaran dalam penyediaan aplikasi perisian *made in Brunei*.

*BSDC* juga menyediakan *Capability dan Mentoring Programme* yang telah mengambil 20 graduan, 2 daripadanya telah dapat Persijilan *Microsoft Certified Solution Developer, sharepoint* yang

pertama di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini, sebanyak 7 buah syarikat *IT* telah mengambil bahagian daripada program *BSDC* iaitu 3 buah syarikat adalah hasil daripada graduan *CAMP* sebagai langkah seterusnya, pihak kerajaan akan sentiasa mengambil inisiatif bagi memastikan perkhidmatan *online* mudah digunakan, cepat dan senang di akses.

Dalam hal ini, strategi kerajaan *digital 2015-2020* merupakan langkah kerajaan bagi mendukung Wawasan 2035 melalui penggunaan dan pembangunan *ICT*. Strategi ini mengambil pendekatan terhadap keseluruhan kerajaan *whole of government approach* ke arah perkhidmatan berinovasi melalui transformasi *digital* agar perkhidmatan *e-Kerajaan* menjadi lebih mudah, cepat dan senang diakses.

Insya-Allah, dengan sentiasa berusaha dan seterusnya bertawakkal ke hadrat Allah Subhannahu Wata'ala jua dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hasrat bagi peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara dari sektor tenaga dan mahupun perindustrian, insya-Allah boleh dicapai dengan kerjasama kita semua daripada sektor awam, sektor swasta dan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada senarai Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membahaskan Tajuk-Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A. Untuk memulakannya, saya persilakan Yang Berhormat, Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di dalam Dewan yang mulia ini, kita berkumpul di sini dengan satu tugas kepada negara kita cintai ini. Tugas murni kita adalah memberikan pendapat dan pengalaman kita yang terkumpul supaya Negara Brunei Darussalam akan dapat menghadapi masalah yang ada sekarang. Lebih dahulu kaola ucapkan tahniah kepada Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, yang telah menubuhkan *Darussalam Enterprise*.

Sebuah badan yang bertanggungjawab untuk membantu *SME* dan menggalakan *Foreign Direct Investment (FDI)*. Kaola sangat menyokong tindakan ini, bagaimanapun, sebelum negara menarik pelaburan luar negara, *Darussalam Enterprise* hendaklah lebih dahulu menyelesaikan masalah kelemahan yang ada di negara kita

seperti proses permohonan hendaklah transparan, cepat dan efisien. Pelabur asing diberikan jaminan dan keyakinan untuk tinggal dalam jangka masa yang panjang termasuklah *SME* orang-orang asing yang sudah tinggal kurang lebih 21 tahun.

Kaola ingin berkongsi ilham dengan Jawatankuasa *Darussalam Enterprise* bagi membantu *SME* iaitu dengan *improving the governance and Basic Financial Management* yang berkaitan dengan:-

1. *Financial Statement Account;*
2. *Audit Financial;* dan
3. *Research and Development Centre (RNT).*

Selain itu, kita hendaklah meninjau ke luar sempadan memandangkan pasaran negara hanya mempunyai peluang terhad, ini dapat dicapai dengan meninjau:-

1. *BIMP-EAGA ASIA;*
2. *Asia Economic Commodity;* dan
3. *TPP (Trans Pacific Partnership).*

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, pengusaha *SME* tempatan ini juga berhadapan masalah untuk mengeksport produk mereka ke luar negeri, mereka juga kurang faham bagaimana untuk melaksanakan proses eksport. Untuk itu, *Darussalam Enterprise* adalah satu *channel* untuk



membantu *mendiversified* produk tempatan ini ke luar negeri. Kaola mencadangkan *Darussalam Enterprise* juga perlulah mencarikan satu agensi luar atau pun *trading-house* melalui kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri masing-masing seperti Jepun, Korea, China, Negara *ASEAN* dan lain. Jika ini berjaya, ia akan memberikan keuntungan besar kepada *SME* ini dan juga akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerja kepada rakyat tempatan.

Seperti yang kita telah semua maklum, harga minyak dahulu yang berharga lebih US\$100 setong telah turun kepada lebih kurang US\$36 setong pada masa ini. Ini bukanlah perkara yang baharu, kita pernah mengalami masalah yang sama pada tahun 1997/1998, harga minyak turun hampir US\$12 setong.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah dapat melalui masalah yang kita dihadapi dahulu.

Dengan izin Tuhan Yang Berkuasa dan dengan berkat falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), masalah global yang teruk melanda negara ini sekarang, kaola yakin akan dapat diselesaikan dengan berkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya negara akan kekal aman, makmur dan bahagia asal saja kita terus bersatu padu, taat setia kepada raja, mendukung dasar Negara Zikir yang melindungi sekalian rakyat Islam dan bukan Islam. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin mahu menjawab ataupun?.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:** Tunggu dahulu mungkin ada 5, 6 orang lagi akan bertanya jadi teruskan saja soalan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd Hamid:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola juga turut ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, atas tertubuhnya *Darussalam Enterprise (DARE)*. Penubuhan badan yang berkanun ini memang ditunggu-tunggu dan sangat dialu-alukan. Lebih-lebih lagi kebanyakan daripada ahli dalam lembaga tadbir adalah terdiri daripada ahli-ahli sektor swasta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam era globalisasi ini, perusahaan yang mapan ialah perusahaan berasaskan pengetahuan dan inovasi. Pada zahirnya, setiap pengusaha berjaya berpaut rapat dengan *global value chain*, dan dalam usaha untuk maju ke hadapan pengusaha bumiputera negara khususnya, perlu banyak pembaikan dalam berbagai-bagai aspek keusahawanan seperti perkembangan sumber manusia, akses kepada kewangan dan pelaburan, akses kepada teknologi dan inovasi, akses kepada pasaran, penggunaan *ICT* dan yang penting juga kematangan, pembantuan polisi, peraturan dan suasana pentadbiran perusahaan (*good governance*).

Dalam penubuhan *DARe* ini, kaola berharap pembangunan kapasiti pengusaha-pengusaha tempatan khususnya pengusaha bumiputera dalam bidang yang disebutkan tadi akan dapat dilaksanakan dengan secara lebih aformatif dan komprehensif, dalam menjadikan peniaga-peniaga tempatan untuk lebih dinamik dan berdaya saing.

Seterusnya kaola juga bercadang agar dibuat skim-skim khusus untuk meningkatkan kapasiti badan-badan bukan kerajaan seperti dewan-dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan juga pertubuhan-pertubuhan professional, supaya dengan adanya nanti akan membantu mereka memperluaskan perkhidmatan bagi menerokai peluang-peluang perniagaan

bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, kaola juga mencadangkan *DARe* untuk menyelaraskan dewan-dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan profesional untuk menubuhkan satu *hub*, yang badan dan pertubuhan berkenaan boleh membuat pejabat-pejabat dengan kemudahan-kemudahan seperti pusat sumber atau *resource centre* serta tempat-tempat mengadakan perjumpaan-perjumpaan.

Ini boleh juga termasuk penyediaan perkhidmatan perkeranian, *secretarial* dan sebagainya untuk guna sama bagi badan dan pertubuhan berkenaan. Kaola percaya dengan adanya *hub* yang demikian akan mempertingkatkan perhubungan pihak berwajib seperti *DARe* dan agensi lain dan juga akan memberi nilai tambah untuk ahli-ahli dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan profesional untuk bertukar-tukar fikiran mengenai amalan-amalan terbaik dan menjana kemahiran-kemahiran dalam menerajui badan dan pertubuhan masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin mencadangkan supaya maklum balas kepada semua yang berkepentingan akan hasil, pemantauan dan pengumpulan data-data penilaian mengenai bantuan-bantuan yang dihulurkan atau skim-skim yang dilaksanakan akan dibuat secara kerap untuk membolehkan pembaikan yang responsif dan cepat.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Perkara yang hendak kaola timbulkan juga berhubung dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian.

Kaola juga turut mengucapkan syabas dan menyokong sepenuhnya atas penubuhan *Darussalam Enterprise* ke arah untuk membantu pengusaha-pengusaha mendapatkan maklumat-maklumat dan bantuan yang diperlukan. *Darussalam Enterprise* juga telah menubuhkan *help desk* bagi kegunaan pengusaha-pengusaha. Selapas mesyuarat pertama diadakan oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah *Darussalam Enterprise*, dilaporkan tumpuan utama yang akan diberikan ialah untuk memperbaiki kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business*.

Beberapa bulan yang lalu, kaola juga turut terbaca dalam media tempatan bahawa apa yang menjadi penghalang kepada *SME* untuk terus berkembang ialah kesukaran untuk mendapatkan

sumber kewangan. Menurut laporan tersebut, disarankan supaya perlunya diadakan berbagai kaedah untuk mendapatkan kewangan yang tidak dibebankan dengan beberapa kawalan ataupun *regulations*. Laporan sama juga menyarankan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kewujudan *bench capitalist* yang boleh menjadi alternatif kepada kerajaan.

Dalam masa yang sama, semasa sesi permuzakarah dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa kerajaan telah menghadapi kerugian kewangan yang besar berikutan sikap pengusaha-pengusaha tempatan yang gagal untuk membayar balik pinjaman kewangan yang telah dijamin oleh kerajaan.

Sementara itu, semasa sesi membahas usul menjunjung kasih, kaola juga tertarik dengan apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat tempatan terlalu selesa dengan pencapaian mereka. Mereka tidak tumbuh atau berkembang. Mereka cuma membuat sasaran kepada pasaran dalam negeri dan enggan menembusi pasaran eksport. Kaola berpendapat keadaan ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tempatan tidak mempunyai keyakinan atau *confident* untuk mengambil atau

menghadapi risiko apabila membuat perniagaan di luar negeri.

Di sini kaola ingin menghadapkan beberapa soalan:-

1. Bagaimanakah Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan menyelesaikan masalah yang sering disuarakan oleh *SME* dalam mendapatkan bantuan kewangan dan seterusnya mengatasi supaya perkara yang sama iaitu masalah kegagalan membayar balik pinjaman kewangan yang dijamin oleh kerajaan tidak akan berulang lagi?; dan
2. Bagaimanakah Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan dapat membantu syarikat-syarikat tempatan untuk keluar daripada '*comfort zone*' mereka dan terus berkembang menjalankan perniagaan ke luar negara? Berhubung perkara ini adakah terdapat pemikiran atau inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan insurans atau '*risk insurance*' bagi melindungi syarikat-syarikat dalam menghadapi risiko semasa membuat perniagaan di luar negara. Risiko seperti kelambatan dalam proses memulakan perniagaan di luar negara, kelambatan dalam pengangkutan barang-barang atau *shipping delays*, keadaan politik dan keselamatan yang huru-hara yang menjejaskan perniagaan mereka di luar negara dan risiko-risiko yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tajuk SA15A, tahun 2016 ini adalah tahun yang mencabar disebabkan penurunan ekonomi yang terjejas dalam sektor minyak dan gas termasuk Negara Brunei Darussalam. Pelbagai strategi ekonomi diusahakan oleh negara-negara pengeluar minyak dan gas bagi meningkatkan ekonomi negara mereka.

Menurut laporan antarabangsa, syarikat-syarikat minyak antarabangsa mengambil langkah-langkah tertentu bagi menurunkan kos tenaga kerja, pentadbiran dan kos operasi. Sebagai contoh *Petronas* dalam tempoh 4 tahun ia akan memotong perbelanjaan operasi sebanyak RM50 bilion termasuklah memberhentikan lebih kurang 1,000 pekerja. Syarikat-syarikat lain antarabangsa yang terlibat ialah *Schlumberger*, *Elevaton*, *Waterford*, *British Petroleum* dan lain-lain.

Kaola ingin bertanya:-

1. Apakah rancangan *Brunei Shell Petroleum Berhad* dalam menghadapi krisis harga minyak ini?;

2. Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat membuat pemberhentian pekerja (*redundant exercise*) bagi mengurangkan kos perbelanjaan atau *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat membekukan pengambilan pekerja luar dan tempatan?; dan
3. Menurut laporan media sosial *Brunei Shell Petroleum Berhad* telah memberhentikan kakitangan tempatan yang berkontrak (*LTC*) terutama sekali pekerja yang mansuh kontraknya pada tahun ini. Apakah inisiatif *Brunei Shell Petroleum Berhad* dan kerajaan dalam membantu pekerja yang terlibat?

Pelaburan dalam Industri Hiliran. Sejak kemerdekaan Negara Brunei Darussalam menubuhkan Syarikat Brunei Methanol merupakan salah satu pelaburan industri hiliran yang sangat besar dan menjana sejumlah kira-kira 200 orang pekerja.

1. Kaola ingin tahu sejak Syarikat Brunei Methanol ini beroperasi, berapakah jumlah hasil kasar pendapatan termasuk pendapatan *spinoff* yang lain pada negara?;
2. Dari pengalaman projek methanol ini sudah tentu mengambil kira kelebihan dan kelemahan dalam menimbangkan projek-projek yang lain secara seimbang dan *transparent*. Dengan adanya pelaburan *Foreign Direct Investment* ini, dijangkakan ia dapat menjana

peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;

3. Kompleks Industri Serambangun Tutong. Jika kita berkunjung ke Kompleks Industri Serambangun Tutong ia amat menyedihkan. Banyak ruang untuk berniaga masih kosong dan ini bukannya baru setahun dua tetapi sudah bertahun-tahun kekosongan ini berlaku. Kaola difahamkan pernah pengusaha tempatan menyewa ruang di kompleks ini untuk mengusaha, memproses ubat-ubat tradisional, disebabkan gagal untuk mendapatkan sijil *Good Manufacturing Practice (GMP)*, maka usaha tersebut tidak diteruskan dan pengusaha ini mengalami kerugian sehingga berbelas ribu ringgit bagi membayar sewa.

Masalah yang dihadapi oleh pengusaha ini ialah tidak ada tunjuk ajar bagaimana untuk mendapatkan sijil *Good Manufacturing Practice* ini sehingga ia menunggu beberapa tahun mengharapkan supaya permohonan ini dapat diluluskan. Kaola difahamkan pada Februari 2016 ini, telah ditubuhkan *Business Support Centre* di Anggerek Desa yang bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan. Dalam hal ini, kaola mencadangkan supaya cawangan-cawangan *Business Support Centre* ini dibuka ke daerah-daerah yang lain untuk menyelesaikan masalah yang

dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil di daerah-daerah yang berkenaan.

Masalah pengusaha-pengusaha kecil berlainan dari daerah ke daerah. Diharapkan juga fungsi *Business Support Centre* bukan sahaja menerima aduan dan masalah pengusaha-pengusaha tetapi juga hendaklah proaktif seperti turun padang untuk memberi tunjuk ajar kepada yang kurang berkemampuan dan berpengetahuan;

4. Bantuan untuk *Small Medium Enterprise*. Salah satu fungsi Jabatan Tenaga dan Industri membantu dan membimbing Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) sampai berjaya dari peringkat domestik ke peringkat antarabangsa.

Adakah bantuan dan bimbingan yang diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) *genuine* atau penuh hati sesuai dengan keperluan syarikat? Kaola mencadangkan, supaya pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam memberi bantuan dan bimbingan ini dibuat dengan sepenuh hati sampai syarikat dapat menembusi pasaran antarabangsa dan berjaya mewujudkan kedudukan di pasaran antarabangsa. Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) hendaklah juga mengambil peranan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang melibatkan untuk memastikan keberkesanan peluang

pekerjaan dari segi aspek kewangan, pentadbiran dan pemasaran; dan

5. Keberkesanan Dewan Perniagaan. Di Brunei Darussalam ini terdapat beberapa buah dewan perniagaan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Brunei Darussalam, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan China dan Dewan Perniagaan India. Adakah dewan-dewan perniagaan ini mempunyai satu visi untuk menolong dalam meningkatkan perekonomian Negara Brunei Darussalam?

Kaola mencadangkan bagi dewan-dewan perniagaan tersebut, membantu peniaga-peniaga yang ada pada masa ini dan juga peniaga-peniaga yang berhasrat untuk memulakan perniagaan. Kaola ingin menasihati, untuk membisakan lagi perjalanan perniagaan dalam kalangan ahli adalah disarankan supaya ahli-ahli dapat bersatu hati untuk sama-sama menjayakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Bagi Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara, Tajuknya Penyeludupan Rokok. Lesen Pengimportan Rokok ke Negara Brunei Darussalam telah diberhentikan sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, aktiviti penyeludupan rokok ini terjadi seakan-seakan setiap hari. Ini telah dilaporkan dalam media-media harian dan juga disiarkan melalui televisyen. Denda-denda yang dikenakan berbeza-beza mengikut jumlah rokok yang dibawa masuk.

Penyeludupan rokok ini satu fenomena jenayah yang kritikal yang dihadapi oleh kerajaan.

Kaola berpandangan, seolah-olah ada sindiket berada di belakang aktiviti ini dan kemungkinan memperoleh keuntungan yang besar. Sejak akhir-akhir ini nampaknya, kerajaan begitu lembut (*lenient*) kepada yang terlibat dalam memberi peluang bayaran denda yang dikenakan secara beransur-ansur.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam hal ini kaola sukacita mencadangkan supaya pihak-pihak yang terlibat untuk meneliti semula undang-undang dan peraturan yang sedia ada mengenakan denda yang boleh memberi efek jera seperti pelaku di penjara dan juga tidak bertolak ansur dengan tidak memberi peluang untuk mereka membayar secara ansuran. Pihak berkuasa juga diminta untuk menyiasat sekiranya terdapat sindiket di belakang aktiviti ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin membawa

usul daripada keluarga-keluarga yang terlibat supaya membawa usul-usul ini dalam Dewan ini, iaitu:-

1. Berhubung dengan pekerja-pekerja anak tempatan iaitu *Local Term Contract (LTC)* bekerja di syarikat-syarikat yang melaksanakan projek secara kontrak, persoalannya, apabila syarikat ini tidak lagi beroperasi kerana tidak lagi mendapat projek maka melibatkan pekerja anak tempatan akan kehilangan kerja.

Kaola ingin tahu, apakah peranan dan tindakan oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian demi kesejahteraan pekerja ini terutama yang mempunyai keluarga dan mungkin juga menanggung hutang, hutang kereta dan lain-lain; dan

2. Seterusnya, ialah berhubung dengan penyalahgunaan media sosial. Sekarang ini nampaknya semakin berleluasa dan tidak berkesudahan sehingga perkara-perkara remeh, fitnah, ancaman, keganasan dan penderaan, perkara yang memalukan sudah menjadi satu hiburan biasa. Oleh itu, selain tindakan undang-undang maka dicadangkanlah pendekatan berbentuk pendidikan merupakan jalan terbaik untuk mendidik rakyat dan penduduk untuk menjadi seorang pengguna yang berhemah. Pengguna perlu faham bahawa jangkauan media sosial cukup luas dan boleh diakses di seluruh dunia.

Apabila disalahgunakan boleh menggugat keselamatan negara.

Soalan kaola, adakah cadangan untuk melaksanakan jerayawara dan taklimat berbentuk pendidikan tentang kebaikan, kesan negatif dan akibat dari segi perundangan secara bersepadu dengan beberapa agensi yang berkaitan ke mukim-mukim, kampung-kampung dan sekolah-sekolah?

Soalan yang terakhir ialah Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pelaksanaan sistem prabayar kini menunjukkan perkembangan positif bagi mengurangkan tunggakan kerana sistem ini dapat mengawal pengguna dari belengah-lengah atau melambatkan pembayaran. Apa yang telah dimaklumkan, sektor swasta dan orang ramai berhutang dengan jumlah tunggakan \$390 juta kepada perkhidmatan awam iaitu perkhidmatan kerajaan. Penggunaan tenaga elektrik di negara ini adalah tertinggi dari negara-negara lain. Penggunaan tertinggi ini tidak menjimatkan, maka kerajaan berbelanja banyak bagi menjana tenaga elektrik seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2012. Antara lain titah baginda:

"Oleh itu tidak ada pilihan lain dari mengawal dan mengelakkan apa juga jenis pembaziran termasuk ke atas kemudahan-kemudahan yang diberi subsidi seperti tenaga. Penjimatan tenaga akan secara langsung

mengurangkan kadar penggunaan minyak dan gas tempatan yang juga akan membolehkannya lebih banyak untuk eksport dan industri hiliran bagi meningkatkan lagi pendapatan negara dan juga peluang pekerjaan."

Demikianlah titah baginda yang boleh menjadi panduan. Jadi bagi menggalakkan penjimatan, soalan kaola ialah:-

1. Adakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengadakan satu insentif atau anugerah kepada pengguna yang dapat menjimatkan tenaga elektrik dengan menurunkan 50 peratus atau lebih dari penggunaan asal?; dan
2. Adakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik memperkenalkan dan menggalakkan kepada orang ramai untuk menggunakan tenaga solar pada masa akan datang.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.



Sukacita kaola mengutarakan 2 perkara dalam Tajuk SA15A dan SA24A.

1. **Dalam Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian.**

Mengenai Kompleks Koperasi yang ditempatkan di Tapak Perindustrian Batu Apoi di Temburong iaitu Koperasi KITA yang sudah siap sepenuhnya lebih setahun yang lalu masih belum lagi dibukakan kepada orang ramai terutama kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang memohon. Kaola ingin tahu bilakah kiranya bangunan Koperasi KITA ini dapat digunakan sepenuhnya?;

2. **Dalam Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum itu melalui dewan yang mulia ini kaola memohon izin untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Daerah Temburong yang sentiasa berkerja keras dalam menangani masalah kerapnya berlaku terputus bekalan elektrik di daerah ini dalam mengurangkan rungutan daripada orang ramai. Masalah tersebut sudah lama berkurangan dari tahun ke tahun. Jabatan cepat mengenal pasti sebab berpuncanya berlaku keputusan bekalan elektrik yang sering sahaja dihadapi oleh orang ramai sebelum ini;

Kaola ingin bertanya apabila siap sepenuhnya nanti pelaksanaan jambatan Temburong dijangka pada Tahun 2018 setentunya kemudahan membawa tenaga elektrik dari Daerah Brunei dan Muara ke Daerah Temburong lebih jelas dan ini akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Apakah usaha-usaha sudah dijalankan pada masa ini mengenai pembekalan dan kerja-kerja pemasangan kabel-kabel, kawat-kawat serta segala kelengkapan yang akan menghubungkan bekalan tenaga Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara?; dan

Memandangkan Stesen Janakuasa Belingus sebagai salah satu daripada aset negara yang berharga seperti juga stesen Janakuasa Belayang. Apakah perancangan jabatan berkenaan bagi stesen Janakuasa Belingus setelah diketahui khidmat pembekalan tenaganya tidak akan diperlukan lagi atau Janakuasa Belingus akan berfungsi sebagai *backup* atau *standby* sahaja.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Waalaikussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 persoalan:-

1. Kaola menyokong sepenuhnya atas usaha Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengurangkan lampu-lampu disetengah jalan raya di negara ini dan hanya akan mengekalkan di tempat-tempat yang strategik saja bagi tujuan menjimatkan tenaga. Kaola ingin menyarankan dalam Majlis yang mulia ini supaya lampu-lampu Lebuhraya Telisai/Lumut yang tiang-tiang lampu sudah pun terpancang itu juga akan dapat dikurangkan bagi menjimatkan tenaga; dan
2. Kaola suka memberi sokongan kepada apa yang disuarakan oleh kedua-dua teman Yang Berhormat sebentar tadi mengenai pemberhentian pekerja-pekerja anak tempatan atas sebab yang telah pun dihuraikan oleh kedua-dua Yang Berhormat di syarikat-syarikat yang dimaksudkan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin menyuarakan supaya pihak Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan syarikat-syarikat yang lain dapat memberi pertimbangan memandangkan negara menghadapi masalah pengangguran ketika ini untuk tidak memberhentikan pekerja-pekerja tempatan, sebaliknya melepaskan lebih dahulu pekerja-pekerja asing mengikut keperluan dan kalau ini masih belum memadai, pihak syarikat haruslah memberi *grace period* bagi memberi peluang pekerja-pekerja tempatan mencari pekerjaan alternatif kerana ada antara mereka itu telah pun berkhidmat dengan pihak syarikat

lebih dari 10 tahun dan yang sedihnya lagi ada dalam kalangan mereka mempunyai keluarga yang besar. Kaola ingin mendengar sedikit penjelasan mengenai pengurangan tenaga kerja di syarikat tersebut yang melibatkan anak tempatan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara.

Dalam Forum Hari Kesihatan Sedunia peringkat Daerah Tutong pada Jun 2012 ada cadangan untuk mewujudkan atau menyediakan Rumah Orang-Orang tua yakni warga emas di negara ini yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Jawapan daripada ahli yang mengendali forum tersebut adalah positif dan merupakan cadangan yang baik. Majlis memandang serius dan teliti dalam cadangan untuk menyediakan rumah warga emas ini dari sudut kebaikannya seperti:-

- i. Bagi kemudahan menjaga kesihatan amat mudah;
- ii. Untuk membantu anak-anak mereka yang kurang mampu;

- iii. Membantu warga emas yang tidak mempunyai anak-anak atau waris; dan
- iv. Menjamin warga emas yang tinggal bersendirian.

Manakala dari segi negatif atau kelemahannya pula adalah:-

- i. Menggalakkan anak-anak warga emas tidak bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka;
- ii. Bertentangan dengan ajaran agama Islam dan amalan konsep MIB di negara ini;
- iii. Boleh melahirkan perasaan warga emas terasa terasing dan tersisih, seolah-olah kehidupan mereka dipinggirkan dan tidak diredai oleh keluarganya;
- iv. Bertentangan dengan budaya kita orang Melayu Brunei yang menyayangi keluarga dan menghormati serta bertanggungjawab hingga ke akhir hayat mereka; dan
- v. Secara langsung sifat-sifat kemanusiaan sedemikian akan dikhuatiri menjadi budaya dan amalan generasi yang akan datang; dan akan menjadi bebanan kepada pihak kerajaan seperti menyediakan bangunan, pemeliharaan dan kebajikan yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh sebab perkara ini lebih banyak mendatangkan

masalah keburukan daripada kebbaikannya, maka Majlis mengesyorkan supaya pihak berkenaan akan mewujudkan undang-undang atau akta bagi menggalakkan anak-anak dan keluarga mereka akan bertanggungjawab kepada ibu bapa mereka dalam apa keadaan sekalipun.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk pengetahuan Majlis pada masa ini terdapat beberapa orang warga tua berada di hospital-hospital kerajaan di negara ini tidak diambil perhatian atau kurang diambil perhatian oleh keluarganya dan ada yang tinggal bertahun-tahun lamanya yang menjadi bebanan kepada pihak hospital. Sekiranya sudah ada akta disediakan oleh pihak kerajaan perlulah dikuatkuasakan supaya keluarga berkenaan mengambil langkah-langkah sewajarnya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustriaan. Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Setelah mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan

Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dengan begitu jelas, kaola mengucapkan ribuan terima kasih kerana anak-anak tempatan sudah menceburkan diri dalam sektor ini. Kaola ingin sama-sama membahaskan Tajuk ini:-

1. Sejak diperkenalkan prabayar bahan tenaga, kaola difahamkan ada sebahagian mereka mengatakan mahal dan ada pula mengatakan murah, mana satu yang betul? Apakah juga kiranya pihak berkenaan dapat menjelaskannya.

Yang Berhormat Pengerusi, selain itu, bahawa sejauh ini mereka yang masih menggunakan meter lama dan belum lagi menukar dengan yang baharu, apakah tindakan pihak berkenaan?; dan

2. Setelah diperkenalkan prabayar, adakah mereka yang menggunakan meter lama masih tertunggak? Sekiranya masih tertunggak, apakah tindakan-tindakan yang sudah dilakukan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 4 soalan, mengenai Tajuk SA15 - Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan

Kemajuan Ekonomi, Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Lebih dahulu saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri yang telah banyak membuat reformasi bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, saya minta kalau sekiranya mukadimah abiskita, dipendekkan sahaja. Tujulah kepada soalan yang akan dikemukakan, oleh kerana kita memakan banyak masa untuk memberikan ucapan-ucapan terdahulu. Jadi saya minta, kalau sekiranya hendak menyoal, ada baiknya terus disoal sahaja.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pelaburan Langsung Asing (*FDI*), Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2016/2017 menunjukkan 3 Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) telah melabur di Negara Brunei Darussalam:-

1. Apakah nama syarikat yang melabur di negara ini dan lokasinya di mana?;
2. Berapakah jumlah pelaburan asing berdasarkan kapital yang mereka laburkan dan berapakah penglibatan

syarikat tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan

3. Pemantauan bagi masalah ibu bapa yang tidak berkemampuan, SA17. Beberapa agensi kerajaan dan swasta telah menghulurkan bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Perkara ini adalah merupakan usaha yang sangat baik dalam menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan. Antara agensi yang terlibat secara langsung ialah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan ketiga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Soalan kaola, adakah pihak Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi (JPKE) membuat pemantauan bagaimana pelaksanaan bantuan dihulurkan? Jika perlu ianya akan dapat diselaraskan dengan pihak Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi (JPKE) agar penerima bantuan ini akan dapat ditangani dengan mendapat dari satu sumber sahaja bagi memberi peluang kepada orang yang memerlukannya.

Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi. Kita bersyukur di Negara Brunei Darussalam banyak barangan yang telah dikurangkan cukai ataupun ditiadakan cukai. Perkara ini sudah tentu banyak memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk serta pelanggan di Negara Brunei Darussalam.

Namun demikian, rakyat dan penduduk negara ini belum dapat menikmati pensejajaran harga yang terdapat beberapa premis perniagaan dan gedung perniagaan ataupun kedai-kedai runcit di negara ini. Adalah dicadangkan kawalan harga haruslah dipertingkatkan dan *enforcement* yang berkenaan daripada pelbagai agensi perlu memainkan peranan yang penting dalam mengawal harga barangan yang memberikan keselesaan kepada masyarakat pengguna di negara ini.

Pihak kerajaan tidak mengenakan cukai kepada beberapa barangan yang diimport ke negara ini, bertujuan mengurangkan beban kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Maka peluang ini patut diambil oleh peniaga dengan menawarkan barangan yang lebih murah berbanding dengan beberapa buah negara di *ASEAN*. Kita dapati komen-komen orang yang datang dari negara jiran, bahawa barangan yang terdapat di negara ini, yang dijual di *supermarket* dan gedung perniagaan, lebih berkualiti dan mempunyai *standard* piawaian antarabangsa. Maka kerana itu, langkah drastik perlu diambil bagi mengawal harga barangan di negara ini agar memberikan keselesaan kepada rakyat dan mengurangkan orang ramai berbelanja di negara lain dan sekali gus kita akan dapat menarik pula orang dari negara jiran berbelanja ke negara ini melalui barangan yang berkualiti dan harga yang istimewa serta *standard* harga yang terkawal.

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Pusat Kebangsaan E-Kerajaan merupakan agensi yang sangat penting dan berkesan dalam mendapatkan sumber maklumat yang cepat dan urus tadbir yang efisien dalam beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta pihak swasta. Kejayaan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan banyak bergantung pada tenaga mahir dan berpengalaman yang dapat menguasai bidang *IT* untuk melicinkan urus tadbir sebuah organisasi, memerlukan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan dalam bidang berkenaan.

Setelah beberapa tahun Pusat Kebangsaan E-Kerajaan diwujudkan, berapa peratuskah kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang telah melaksanakannya? Apakah usaha pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan bagi memastikan semua kementerian dan jabatan ini melaksanakan e-kerajaan?

Seterusnya yang terakhir SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Adalah dicadangkan supaya laluan kawat elektrik yang menghalang dan mengganggu seperti dahan dan pokok serta akar akan dapat dipotong dan dibersihkan agar tidak mengganggu terputusnya bekalan elektrik (ini yang berlaku di kampung-kampung pedalaman, kalau kawasan bandar memang tidak ada).

Perkara ini dibangkitkan kerana terputusnya bekalan elektrik, penyebab utama mengikut maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik sendiri ialah *touching* ranting ataupun daun

pokok, kayu tumbang di atas kawat elektrik. Maka kerana itu, perkara ini memerlukan tindakan yang bersesuaian dan jika perlu Majlis Perundingan Kampung dan Mukim boleh bekerjasama mengadakan kempen pemotongan dan pembersihan pokok secara bergotong-royong dengan bantuan beberapa agensi yang diperlukan seperti Jabatan Kerja Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Bomba dan Penyelamat bagi mengawal keselamatan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam membahaskan Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Kaola ingin mengongsikan pandangan mengenai bekalan gas domestik yang dibekalkan ke rumah-rumah di kawasan Pekan Kuala Belait dan Seria yang disalurkan melalui paip dengan bayaran hanya \$2.50 sebulan setiap satu banur. Bekalan ini hampir setengah abad telah disalurkan sebegitu rupa dan sudah setentunya mengalami kerosakan dan kebocoran yang mengeluarkan bau dan berbahaya yang mungkin mengakibatkan kebakaran dan pembaziran.

Gas juga salah satu sumber awam yang sedang dikomersialkan di dalam dan di luar negara, untuk menambahkan

hasil negara dan mengelakkan pembaziran, mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan dan tidak kurang juga untuk mengatasi berlakunya tunggakan hasil terhadap bahan tersebut, maka sudah tiba masanya bekalan gas yang disalurkan melalui bekalan paip itu diberhentikan dan digantikan dengan gas tong ataupun (*LPG*) supaya ia dapat dimanfaatkan dengan secara berjimat dengan harga yang selaras dengan pengguna-pengguna yang lain di seluruh Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar perbincangan mengenai Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan di hadapan saya masih terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk turut serta dalam perbincangan ini. Maka saya cadangkan supaya sekarang perbincangan kita ini ditangguhkan dahulu dan kita akan kembali untuk bersidang dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita untuk menangguhkan mesyuarat kita dan kita akan bersidang semula

pada sebelah petang nanti pukul 2.30 petang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**